

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : PRESTASI KEWANGAN NEGERI SELANGOR**

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Sila nyatakan prestasi kewangan terkini Negeri Selangor dari segi jumlah dalam Akaun Bersatu (Consolidated Fund) dan dalam simpanan.
  - b) Sila senaraikan tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan prestasi Kewangan Negeri.

**JAWAPAN:**

- a) Saya ingin menjawab soalan yang dikemukakan daripada YB Bukit Lanjan (soalan nombor 1), YB Sijangkang (soalan nombor 180) dan YB Rawang (soalan nombor 251) yang bertanyakan soalan yang sama tentang prestasi kewangan Negeri Selangor sehingga pertengahan tahun 2019.

YB Bukit Lanjan (soalan nombor 1) bertanyakan tentang prestasi kewangan terkini Akaun Bersatu (*consolidated Fund*) atau Kumpulan Wang Disatukan dan simpanan atau rezab Kerajaan Negeri. Rezab adalah terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Jumlah terkini rezab Kerajaan Negeri sehingga 30 Jun 2019 adalah sebanyak RM2,381.63 juta yang terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM721.19 juta dan Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM1,660.44 juta. Manakala baki rezab pada 31 Disember 2018 adalah berjumlah RM2,135.38 juta.

Pada 30 Jun 2019, baki Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri mencatatkan pengurangan sebanyak 16.39% atau RM467 juta, iaitu berkurang daripada RM2,848.63 juta kepada RM2,381.63 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2018.

Pada 30 Jun 2019, baki Akaun Hasil Disatukan merekodkan pengurangan dari RM1,615.44 juta kepada RM721.19 juta iaitu berkurang sebanyak 55.35% atau RM894.25 juta berbanding tempoh yang sama pada tahun 2018.

Sehingga Disember 2019, Kerajaan Negeri telah membuat unjuran perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan yang keseluruhannya berjumlah RM2,640 juta manakala sasaran hasil adalah sebanyak RM2,200 juta yang mana defisit tersebut akan dibiayai dengan menggunakan Akaun Hasil Disatukan.

Oleh yang demikian, jika berdasarkan unjuran keseluruhan perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan iaitu sebanyak RM2,640 juta berbanding unjuran hasil tahun 2019 RM2,200 juta, maka Kerajaan Negeri perlu mengambil langkah-langkah yang proaktif di dalam mengawal dan melaksanakan perbelanjaan.

YB Sijangkang (soalan 180) dan YB Rawang (soalan 251) turut bertanyakan soalan yang sama tentang prestasi kewangan Kerajaan Negeri bagi tempoh 6 bulan pertama tahun 2019 berbanding tahun 2018 dan prestasi pendapatan serta perbelanjaan sehingga pertengahan tahun 2019.

Prestasi kewangan Kerajaan Negeri bagi tempoh 6 bulan pertama sehingga 30 Jun 2019 telah mencatatkan kutipan hasil sebanyak RM1,424.32 juta iaitu 64.74% daripada sasaran hasil sebanyak RM2,200 juta. Manakala jumlah keseluruhan kutipan hasil pada tahun 2018 adalah sebanyak RM 1,998.52 juta.

Prestasi perbelanjaan mengurus sehingga 30 Jun 2019, adalah berjumlah RM565.55 juta iaitu 44.18% daripada jumlah peruntukan sebanyak RM1,280 juta. Secara perbandingannya perbelanjaan mengurus pada tahun 2018 adalah sebanyak RM1,340.79 juta. Kerajaan Negeri membuat unjuran perbelanjaan mengurus sehingga Disember 2019 adalah sebanyak 95% daripada jumlah peruntukan.

Prestasi perbelanjaan pembangunan sehingga 30 Jun 2019 adalah RM661.40 juta atau 51.67% daripada jumlah peruntukan sebanyak RM1,280 juta. Secara perbandingannya perbelanjaan pembangunan pada tahun 2018 adalah sebanyak RM1,427 juta. Kerajaan Negeri membuat unjuran perbelanjaan pembangunan sehingga Disember 2019 adalah sebanyak 90% daripada jumlah peruntukan.

- b) YB Bukit Lanjan (soalan 1) dan YB Rawang (soalan 251) turut bertanyakan soalan yang sama tentang tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk meningkatkan prestasi kewangan melalui peningkatan di dalam prestasi kutipan hasil, mengawal perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan serta memastikan peningkatan kedudukan kewangan di dalam Akaun Hasil Disatukan.

Antara tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan prestasi kewangan dari aspek kutipan hasil adalah seperti berikut :

- (i) Sesi *engagement* yang berterusan oleh pihak Pejabat Tanah Galian Selangor dan Pejabat Daerah / Tanah dengan pihak pemohon dan syarikat sekiranya terdapat isu atau masalah dalam menjelaskan premium yang dikenakan;
- (ii) Melaksanakan kutipan cukai petak bagi pembangunan berstrata selaras dengan pindaan Akta Hakmilik Strata (Pindaan 2016) (A1518) yang telah berkuatkuasa mulai 1 Jun 2018;
- (iii) Operasi Mengutip Cukai Tanah tertunggak ke atas penunggak tegar dan van kaunter kutipan hasil cukai tanah bergerak;
- (iv) Program Perjumpaan Bersama Penduduk oleh Pejabat Daerah / Tanah dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor bagi urusan permohonan pindah milik / hakmilik strata dan membuka kaunter bayaran cukai tanah;
- (v) Penguatkuasaan oleh Unit Cukai Hiburan Perbendaharaan Negeri Selangor ke atas pengusaha Pusat Hiburan / Panggung Wayang / Taman Tema / Litar Lumba / Pertunjukan Pentas bagi memastikan duti hiburan diterima oleh Kerajaan Negeri;
- (vi) Pewujudan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri yang membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan lebihan tunai dengan lebih efisien di samping memberi pulangan faedah yang optimum;
- (vii) Pengenaan Caj Royalti bagi Pokok Getah, Kelapa Sawit dan Kelapa sebagaimana yang termaktub di dalam Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Hutan Selangor (Pindaan 2017) oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor;
- (viii) Pengenaan Caj Fi Premium Kawasan, Permit Penggunaan serta caj-caj fi yang berkaitan penggunaan kawasan Hutan Simpanan Kekal dan

pengeluaran hasil hutan berdasarkan Kaedah-Kaedah Hutan Selangor (Pindaan) 2017 yang telah dinaikkan kadar oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor;

- (ix) Melaksanakan semakan semula kadar ke atas Kaedah-Kaedah Pusat Veterinar (Pindaan) 2007 kerana terdapat pertambahan perkhidmatan dan kadar bayaran yang dikenakan ketika ini adalah berdasarkan kadar pada 11 tahun dahulu;
- (x) Merangka pengenaan Fi Pemprosesan dan Wang Cagaran Permohonan Papan Iklan di dalam Rizab Jalan Negeri oleh Jabatan Kerja Raya Negeri;
- (xi) Melaksanakan Akta 795 berkaitan *Access Benefit Sharing* (ABS) yang bertujuan untuk memastikan sumber hasil *biodiversity* yang dikomersialkan bagi tujuan penyelidikan, perubatan dan kosmetik dipantau dan dikongsikan. Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) dan Jabatan Perhutanan Negeri akan memproses permohonan permit dan mengenakan bayaran bagi setiap permohonan yang diluluskan; dan
- (xii) Merangka pelaksanaan Kaedah-Kaedah Perikanan Darat (akuakultur). Apabila ia dikuatkuasakan kelak, semua aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perikanan darat (akuakultur) akan dikenakan caj-caj tertentu di mana pada ketika ini tiada sebarang ikatan untuk pengenaan sebarang caj. Selain daripada itu juga, tindakan penguatkuasaan boleh dilaksanakan dengan lebih baik.

Manakala tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan prestasi kewangan dari aspek kawalan perbelanjaan adalah seperti berikut

- (i) Perbendaharaan Negeri Selangor memperkemas dan membuat penambahbaikan terhadap perbelanjaan berhemah dan langkah-langkah penjimatan di dalam menguruskan perbelanjaan wang awam.
- (ii) Kawalan Perbendaharaan iaitu Penguatkuasaan Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Pekeliling-Pekeliling Perbendaharaan bagi memastikan pembayaran dibuat dengan sempurna. Contohnya kawalan terhadap pembayaran Arahan Perbendaharaan 58(a).

Seterusnya tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kedudukan kewangan adalah dengan memastikan pengurusan rezab diurus dengan cekap dan teratur dan memastikan segala dasar, program, projek dan

aktiviti yang dirancang bagi pembangunan Negeri Selangor dan kebajikan rakyat Negeri Selangor dapat dilaksanakan dengan berkesan.

**Maklumat tambahan 1 :**

Berikut (Jadual 1) merupakan maklumat tambahan tentang kedudukan rezab Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2019 dan tahun 2018 (bagi tempoh 1 Januari 2019 sehingga 30 Jun 2019 dan bagi tempoh 1 Januari 2018 sehingga 30 Jun 2018) sebagai data sokongan kepada pernyataan di atas.

**JADUAL 1 : KEDUDUKAN REZAB NEGERI SELANGOR PADA TAHUN 2019 DAN 2018 (BAGI TEMPOH 1 JANUARI HINGGA 30 JUN)**

	01 Jan – 30 Jun 2018	01 Jan – 30 Jun 2019	RM Juta	%
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%
Wang Tunai	302.41	228.80	-73.61	-24.34
Pelaburan	2,546.22	2,152.83	-393.39	-15.45
	<b>2,848.63</b>	<b>2,381.63</b>	<b>-467.00</b>	<b>-16.39</b>
Akaun Hasil Disatukan	1,615.45	721.19	-894.26	-55.35
Akaun Amanah Disatukan	1,233.18	1,660.44	427.26	34.64
Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00		
	<b>2,848.63</b>	<b>2,381.63</b>	<b>-467.00</b>	<b>-16.39</b>

**Maklumat tambahan 2 :**

Berikut (Jadual 2) merupakan maklumat tambahan tentang terimaan hasil dan perbelanjaan Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2019 dan tahun 2018 (bagi tempoh 1 Januari 2019 sehingga 30 Jun 2019 dan bagi tempoh 1 Januari 2018 sehingga 30 Jun 2018) sebagai data sokongan kepada pernyataan di atas.

**JADUAL 2 - TERIMAAN HASIL DAN PERBELANJAAN TAHUN 2019 DAN 2018 (BAGI TEMPOH 1 JANUARI HINGGA 30 JUN)**

	01 Jan - 30 Jun 2018		01 Jan- 30 Jun 2019		Perbandingan	
	% Belanjaw RM Juta	% Belanjaw RM Juta	% Belanjaw RM Juta	%		
<b><u>HASIL</u></b>						
Hasil Cukai	520.95	81.05%	562.00	80.35%	41.05	7.88%
Hasil Bukan Hasil	588.39	42.22%	682.26	53.32%	93.88	15.96%
Terimaan Bukan Hasil	75.21	35.21%	180.06	81.46%	104.85	139.41 %
	1,184.55	52.65%	1,424.32	64.74%	239.77	20.24%
<b><u>PERBELANJAAN MENGURUS</u></b>						
Emolumen	218.85	49.26%	229.52	52.47%	10.67	4.88%
Perkhidmatan Dan Bekalan	196.15	35.18%	226.45	43.05%	30.29	15.44%
Aset	2.65	24.56%	4.20	44.75%	1.55	58.49%
Pemberian Dan Kenaan Bayaran	216.69	60.23%	93.77	42.27%	122.92	56.72%

Tetap						
Perbelanjaan Lain	17.13	19.56%	11.61	13.61%	-5.53	-32.28%
	651.47	44.62%	565.55	44.18%	-85.92	-13.19%
<b><u>PERBELANJAAN PEMBANGUNAN</u></b>	703.33	42.37%	661.40	51.67%	-41.93	-5.96%
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	1,354.8	43.42%	1,226.95	47.93%	127.85	-9.44%
Lebihan /Defisit Keseluruhan	-170.25		197.37		367.62	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : INISIATIF PEDULI RAKYAT (IPR) NEGERI SELANGOR**

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah dana yang diperuntukkan untuk setiap program IPR bawah Kerajaan Negeri?
- b) Apakah program-program IPR yang masih aktif dan apakah program-program yang telah diberhentikan?
- c) Sudahkah kita memuktamadkan proses pengemaskinian, terma dan syarat untuk program KISS dan Peduli Sihat?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah dana yang diperuntukkan untuk setiap program IPR di bawah Kerajaan Negeri adalah seperti berikut (*Lampiran I*).
- b) Ramai di kalangan Ahli Dewan Negeri telah membangkitkan mengenai program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri. Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) ini diwujudkan untuk memastikan kebajikan rakyat sentiasa terbela serta memenuhi wawasan '*shared prosperity*'. Kerajaan Negeri turut mendengar keluhan dari rakyat (penerima IPR) yang amat risau program IPR tidak dapat diteruskan dan dengan pertukaran pengurusan baharu kerajaan, mereka juga turut merasakan ia mungkin dibatalkan serta berpendapat bahawa program IPR ini adalah program jangka pendek.

Sukacita dimaklumkan di sini, program IPR adalah program jangka panjang kerajaan yang bertujuan untuk membantu rakyat dan seterusnya matlamat akhir kerajaan adalah mengiatkan usaha untuk memberdaya rakyat.

Bagi tahun 2019, agenda pelaksanaan program-program IPR diteruskan secara lebih holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan semata-

mata tetapi memberi daya melalui pemerkasaan (empowerment) kepada para penerima manfaat IPR di Selangor.

Oleh itu, sudah tiba masanya Negeri Selangor, mengorak langkah ke suatu paradigma yang baru sejajar dengan cita-cita untuk menjamin kebajikan rakyat negeri berteraskan suatu upaya strategik dalam menguruskan sumber negeri yang terbatas.

Selain itu, penjajaran IPR juga akan mengambil kira perkara seperti berikut:

- i) Memberi fokus kepada kumpulan sasar yang tepat;
- ii) Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*); dan
- iii) Penekanan kepada program-program kesedaran

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 1/2019 melalui cabutan telah memutuskan supaya penjajaran dan penyusunan semula IPR perlu dimuktamadkan segera mengikut cadangan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

Sehubungan itu, UPEN telah menganjurkan Persidangan Pengendali IPR pada 25 hingga 26 Februari 2019 bagi membincangkan cadangan penjajaran dasar dan program IPR sedia ada dan seterusnya memperkasakan pelaksanaan dasar Kerajaan Negeri Selangor.

Hasil daripada persidangan tersebut, 43 Program IPR telah dicadangkan untuk dijajarkan kepada 3 kategori utama yang menjadikan jumlah program IPR terkini adalah sebanyak 34 program iaitu seperti berikut:

- i) Diteruskan seperti ada (merangkumi 20 Program IPR);
- ii) Diteruskan Dengan Penjajaran iaitu secara:
  - a) Pindaan dari segi perubahan program, syarat kelayakan, mekanisme pelaksanaan, kuota penerima dan lain-lain pindaan (merangkumi 14 Program IPR); dan
  - b) Kolaborasi dengan program IPR sedia ada (merangkumi 9 Program IPR)

**(Keterangan lanjut seperti lampiran II)**

- c) Seperti yang kita semua sedia maklum, satu tempoh pengemaskinian bagi Skim Peduli Sihat telah dilakukan pada 1 Mei 2019 sehingga 31 Mei 2019 manakala untuk Program KISS pada 15 Jun 2019 sehingga 15 Julai 2019.

Proses pengemaskinian ini melibatkan proses semakan silang data penerima sedia ada KISS dan Peduli Sihat dengan data peserta E-Kasih dan Bantuan Sara Hidup (BSH).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, proses pengemaskinian ini telah menetapkan syarat kelayakan baru seperti berikut. Bagi Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS):-

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Lahir di Selangor atau menetap di Selangor melebihi tempoh 10 tahun;
- iii. Wanita berkeluarga (berkahwin atau ibu tunggal) yang mempunyai anak/tanggungan di bawah umur 21 tahun;
- iv. Berpendapatan bulanan seisi rumah di bawah RM2,000.00; dan
- v. Berdaftar sebagai pemohon Bantuan Sara Hidup (BSH) di bawah kategori pendapatan RM 2000.00 dan ke bawah atau tersenarai sebagai golongan miskin atau miskin tegar di pengkalan data Sistem e-Kasih.
- vi. Pemilih berdaftar di Negeri Selangor.

Bagi Program Peduli Sihat pula, terma dan syarat adalah seperti berikut:-

- i. Warganegara Malaysia yang lahir di Negeri Selangor atau telah menetap di Negeri Selangor melebihi 10 tahun;
- ii. Bagi kategori keluarga, pendapatan isi rumah sebanyak RM2,000 dan ke bawah;
- iii. Bagi kategori Individu, berumur 21 tahun dan keatas dan pendapatan RM1,500 dan ke bawah;
- iv. Tersenarai dalam data E-Kasih (miskin tegar dan miskin) atau penerima Bantuan Sara Hidup bagi tahun 2018; dan
- v. Pemegang kad yang aktif dalam tempoh 2 tahun.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, fasa pertama pengemaskinian data penerima KISS dan Skim Peduli Sihat ini telah pun selesai. Walaubagaimanapun proses semakan dan verifikasi akan diteruskan sehingga Disember 2019 dengan mengambil kira maklum balas daripada pihak Pusat Khidmat DUN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : MAJLIS PELANCONGAN DAERAH KUALA SELANGOR**

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Apakah peranan, halatuju dan objektif penubuhan Majlis Pelancongan Daerah Kuala Selangor yang diwujudkan oleh YAB Dato' Menteri Besar ketika lawatan kerja ke daerah Kuala Selangor?
  - b) Apakah perancangan jangka panjang jawatankuasa ini serta peruntukan yang disediakan bagi mencapai matlamatnya?

**JAWAPAN:**

- a) MDKS mengambil maklum terhadap keputusan tersebut dan akan turut menyusun perancangan dalam merangka jawatankuasa induk dan melibatkan jabatan serta agensi - agensi yang bertanggungjawab. Hal ini bagi memastikan segala perancangan serta pelan tindakan yang dibuat akan menjadikan sektor pelancongan daerah Kuala Selangor terbaik di Malaysia dan dunia dan menjadikan Daerah Kuala Selangor sebagai ‘ Gugusan Eko-Pelancongan Selangor.
- b) Segala perancangan serta pelan tindakan yang dibuat akan menjadikan sektor pelancongan daerah Kuala Selangor terbaik di Malaysia dan dunia. Sehubungan dengan itu, sebagai PBT yang bertanggungjawab untuk sektor ini, MDKS telah bertindak menjalankan pembangunan sektor pelancongan mengikut fasa serta keperluan dan ianya masih dalam proses pelaksanaan pengindahan semua pusat pelancongan sekaligus menyediakan kemudahan dan prasarana bertaraf antarabangsa bagi meningkatkan keindahan imej pelancongan Kuala Selangor serta mengekalkan warisan sejarahnya yang semakin menjadi tumpuan. MDKS akan terus menyokong kerajaan negeri dalam memperkenalkan negeri Selangor khususnya Kuala Selangor kepada masyarakat dunia tanpa mengabaikan sejarah warisan yang telah wujud sejak beribu tahun dahulu. Pembangunan yang bakal dilaksanakan juga akan menekankan Kesejahteraan Rakyat dan Pemuliharaan Alam Sekitar melalui peruntukan yang akan disalurkan oleh kerajaan negeri kepada jawatankuasa ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK : KEMPEN BEBAS PLASTIK**

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Nyatakan dasar-dasar Kerajaan Negeri bagi pengurangan penggunaan plastik di Selangor.
  - b) Apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh PBT terhadap pengusaha yang tidak mematuhi syarat larangan penggunaan plastik?
  - c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang menyalurkan peruntukan kepada ADN untuk menganjurkan program Kempen Bebas Plastik?

**JAWAPAN:**

Pertanyaan ini akan dijawab bersekali dengan soalan No. 191 daripada Yang Berhormat Pandamaran berkaitan cara-cara Kerajaan untuk mengawal penggunaan straw.

- a) Kerajaan Negeri telah mengambil langkah untuk mengadakan larangan terhadap beg plastik dan polisterina pada setiap hari bermula 1 januari 2017. Melalui kempen yang dilancarkan ini, kutipan caj terhadap penggunaan beg plastik adalah bertujuan mewujudkan kesedaran dalam kalangan pengguna mengenai bahaya beg plastik terhadap alam sekitar dan kesihatan. Caj ini dikenakan oleh peniaga-peniaga di premis-premis perniagaan yang menyediakan beg plastik khususnya dalam skala yang besar kepada pengguna, seperti di pasar raya, *super mart*, pasar raya mini dan sebagainya.

Pada 1 Julai 2019 juga, Kerajaan Negeri telah melancarkan kempen #BebasStrawPlastik bagi tujuan penjagaan alam sekitar terhadap penggunaan straw plastik yang semakin meningkat. Melalui kempen ini, peniaga tidak dibenarkan untuk menyediakan straw plastik secara automatik atau '*default*' bagi setiap minuman yang dipesan. Peniaga juga dilarang menyediakan straw plastik di

kaunter untuk diambil secara bebas dan hanya adakan diberikan atas permintaan pelanggan secara percuma.

Dasar-dasar dan kempen yang diadakan ini adalah selaras dengan pelan tindakan yang digariskan di dalam *Roadmap Towards Zero Single-use Plastics 2018-2030* yang dilancarkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) pada 17 Oktober 2018.

- b) Pada masa ini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengedarkan notis pematuhan kepada peniaga bagi pelaksanaan kempen #Bebasplastik oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kriteria ini juga telah dimasukkan di dalam borang pemeriksaan Peniaga Terbaik Pasar Ramadhan sebagai salah satu kriteria bagi menggalakkan pengurangan penggunaan plastik dikalangan peniaga .

Pihak PBT juga membuat semakan terhadap pemilik premis perniagaan dan akan mengeluarkan Notis Pematuhan Syarat (NPS) kepada pemilik premis perniagaan yang tidak mematuhi syarat larangan penggunaan plastik.

- c) Kerajaan Negeri pada masa ini telah bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam melaksanakan program, aktiviti dan kempen-kempen kepenggunaan seperti Kempen Bebas Plastik dan Kempen Bebas Straw Plastik. Antara agensi pelaksana yang terlibat termasuklah Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Selangor, NGO dan Persatuan, serta sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri adalah terbuka untuk menerima dan mempertimbangkan sebarang permohonan bagi penganjuran program-program dan kempen kepenggunaan termasuklah daripada pihak ADUN dan pihak ADUN juga adalah digalakkan untuk menggunakan peruntukan sedia ada bagi penganjuran Program Kempen Bebas Plastik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PELUANG PEKERJAAN UNTUK GOLONGAN ANAK MUDA**

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah telah ada kerangka besar pembangunan anak muda yang kini merupakan lebih 40% warga Selangor?
- b) Apakah peluang pembangunan ekonomi kepada anak muda?
- c) Apakah perancangan kepada anak muda yang tidak dapat memasuki IPT dan Pusat Kemahiran TVET?

**JAWAPAN:**

Dijawab bersekali dengan soalan nombor 133 (a) oleh Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang).

a) Populasi belia di dalam Negeri Selangor adalah:

- 3 juta berbanding 6 juta rakyat Negeri Selangor (statistik daripada Institute for Youth Research Malaysia – IYRES).

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri membentuk satu dasar yang menyeluruh dalam kerangka besar bagi pembangunan belia Selangor. Dasar ini dikenali sebagai Dasar Belia Selangor, hasil dapatan kajian daripada kumpulan penyelidik daripada Universiti Putra Malaysia.

Beberapa teras yang telah dikenalpasti hasil daripada kajian ini adalah:-

- Pendidikan dan Kemahiran,
- Keusahawanan dan Pekerjaan,
- Kepimpinan dan Organisasi,
- Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT),
- Kemasyarakatan, Jaringan dan Kesukarelawanan,
- Kesejahteraan dan Kecergasan,
- Kebudayaan dan Kesenian,

- Agama dan Akhlak serta
- Pengantarabangsaan.

Di peringkat Kerajaan Persekutuan pula, terdapat dua teras utama iaitu:-

- I. Teras Pembangunan Belia Berteraskan Dasar Belia Malaysia; dan
- II. Teras Pemerksaan Kemahiran Berlandaskan Transformasi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN).

Bagi teras yang pertama iaitu Pembangunan Belia Berteraskan Dasar Belia Malaysia, bakat dan potensi belia akan diperkasakan. Kerajaan akan menyediakan pelbagai peluang bagi belia agar dapat meningkatkan potensi serta bakat ke arah taraf hidup yang lebih baik. Ini termasuk melengkapkan mereka dengan pengetahuan, kemahiran dan jatidiri yang sewajarnya. Teras ini juga berperanan untuk menyediakan anak muda dengan pelbagai kemahiran yang melangkaui pengetahuan akademik bagi memenuhi permintaan kerja dan sekaligus membentuk masyarakat yang benar-benar maju dari segala aspek.

Bagi teras Pemerksaan Kemahiran Berlandaskan Transformasi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Kerajaan berhasrat untuk mentransformasikan kemahiran dan keusahawanan dalam meningkatkan ekonomi belia. Ini dilakukan dengan memberi fokus kepada meningkatkan latihan kemahiran TVET yang memenuhi permintaan industri; meningkatkan keberkesanan dan kualiti latihan TVET; memperkasakan kerjasama dan jalinan dengan agensi dan industri, dan membudayakan keusahawanan dalam kalangan belia.

b) Kadar penganguran di Selangor yang direkodkan adalah seperti berikut:-

- I. 2016 (3.2%)
- II. 2017 (2.8%)
- III. 2018 (2.8%)

Sumber: Jabatan Statistik Malaysia

Kerajaan Negeri meletakkan sasaran bagi tahun 2019 adalah kadar penganguran di Selangor menurun kepada 2.5%.

Antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri adalah dengan meningkatkan pelbagai program pembangunan ekonomi belia sebagaimana berikut:

## **1. Program Karnival Kerjaya - Selangor Job Fair**

Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan telah menganjurkan program Karnival Kerjaya (Job Fair) secara berkala (2 kali setahun). Program ini dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Jobs Malaysia bermula pada tahun 2014.

Program Selangor Mega Job Fair pada awal tahun ini adalah program pertama kali berskala mega. Ia melibatkan sebanyak 180 syarikat swasta terpilih dengan mengadakan temuduga terbuka (*walk in interview*). Sebanyak 180 majikan dan 20 Agenzi /Jabatan Kerajaan terlibat. Daripada jumlah itu, lebih 12,000 peluang telah ditawarkan dan 20 majikan turut menawarkan peluang pekerjaan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) pada hari tersebut.

Hampir 20,000 pengunjung mendapat manfaat melalui program ini. Jumlah permohonan yang berjaya mendapatkan tawaran pekerjaan pada hari tersebut adalah seramai 237 orang dan seramai 3,482 orang pemohon telah berjaya ke temuduga ke 2. Program yang dilaksanakan ini telah berjaya melibatkan pemohon berdaftar seramai 25,199 orang yang mana seramai 15,623 orang telah berjaya untuk ditemuduga. Daripada jumlah calon yang telah ditemuduga tersebut, seramai 4,790 orang yang telah berjaya mendapat pekerjaan.

Program ini juga merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurangkan kadar pengangguran. Ia turut membantu syarikat-syarikat yang memerlukan tenaga kerja dengan mengutamakan penglibatan warga tempatan berbanding warga asing.

## **2. Kursus/Latihan di bawah Jawatankuasa Tetap Modal Insan**

Salah satu program adalah program latihan bersama Farm Fresh. Program ini adalah berbentuk melatih usahawan muda untuk menjadi usahawan menjual produk tenusu. Program ini akan berlangsung selama 3 bulan dengan kerjasama Farm Fresh dan seusai program ini, para pelatih dijangka akan mendapat keuntungan bersih berjumlah RM1,500.00 sebulan.

Program latihan ini turut memberi menekankan konsep hand holding dimana setiap langkah dalam dunia usahawan akan diberikan panduan teliti. Untuk rekod,

program ini telah berjaya melahirkan beberapa usahawan muda berjaya seperti Bapa Susu.

### **3. Pendidikan Kemahiran dan Vokasional**

Menyediakan pendidikan kemahiran dan vokasional di Kolej INPENS dengan yuran yang berpatutan bagi belia yang kurang berkemampuan tetapi masih ingin meneruskan pembelajaran tanpa mempunyai latar belakang pendidikan cemerlang. Inisiatif Kerajaan Negeri Selangor ini telah menyediakan peluang pendidikan kemahiran dan vokasional dan pembiayaan pelajaran berdasarkan kelayakan pemohon.

### **4. Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS)**

Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) iaitu sebuah program latihan keusahawanan melalui kursus dalam bidang - bidang seperti berikut:

- Kursus Keusahawanan Penternakan (Ruminan & Unggas)
- Kursus Pemantapan Pemantauan Keusahawanan
- Kursus Percetakan Segera Pentauliahan Sijil SKM Tahap 3: Peserta Urutan Selepas Bersalin
- Kursus Keusahawanan Penternakan
- (Makanan ternakan dan Rancangan Perniagaan)
- Kursus Soft Skills Usahawan Penternakan & Pengurusan Kewangan (Online)
- Kursus Keusahawanan Penternakan (Sembelihan Halal & Penyediaan Makanan (BBQ)
- Mobile Service Aircond
- Cuci Kasut
- Mobile Barber
- Ayam Gunting

- Terapi Bekam
- Bakery
- Mobile Spa
- Dekorasi Pelamin
- Kiosk Sate

Program ini yang diberikan secara percuma merangkumi beberapa kategori iaitu belia, suri rumah, pesara dan ibu tunggal. Pada tahun 2011 hingga 2018, terdapat 3,248 orang peserta yang telah terpilih untuk menyertai Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS). Daripada jumlah tersebut, seramai 2,436 orang peserta (75%) telah berjaya menjana pendapatan melalui program tersebut. Purata pendapatan bulanan mencatatkan jumlah tertinggi bagi purata pendapatan berjumlah RM500 - RM2,000 sebulan melalui 1,712 orang peserta (52.71%).

## **5. Program di bawah agensi**

### i) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)

- Program Perintis Usahawan (PPU)  
Program Perintis Usahawan ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2007 dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (duku dikenali sebagai Jabatan Pelajaran Negeri Selangor). Objektif program ini adalah untuk memupuk semangat keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah. Enam (6) buah sekolah rendah telah terpilih sejak dimulakan pada tahun 2007.
- Program Tunas Niaga (PROTUNe)  
Dalam membudayakan usahawan muda yang berjaya dan berpengetahuan, Program Tunas Niaga (PROTUNe) telah diperkenalkan di Negeri Selangor pada tahun 1998 oleh Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (MECD).
- Program Usahawan Siswazah (GROW)

Program Usahawan telah dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor sejak tahun 2003 dengan memberi fokus latihan dan pembudayaan dalam kalangan mahasiswa di lapan (8) institusi-institusi pengajian tinggi seperti berikut:

- i. Universiti Teknologi Mara (UiTM)
- ii. Universiti Putera Malaysia (UPM)
- iii. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- iv. Universiti Industri Selangor (UNiSEL)
- v. INSPENS International College
- vi. Kolej Universiti Selangor (KUIS)
- vii. International Islamic Universiti Malaysia (UIA)
- viii. City University (City U)

Program di bawah Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani

Kerajaan Negari telah melaksanakan pelbagai Program kepada Generasi Muda yang berminat untuk menceburi sektor pertanian sebagaimana berikut :-

- a) Program Agro Muda Selangor (AMSEL)
  - b) Program Bantuan Peralatan Pertanian
  - c) Kursus dan Seminar kepada Generasi Muda
  - d) Pembukaan Tanah Pertanian
- c) Perancangan kepada anak muda:-
1. Program TVET atau Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas *Smart* Selangor (IKTISASS) merupakan satu mekanisme yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha mendepani pembangunan latihan kemahiran teknikal dan ikhtisas kepada anak muda di Negeri Selangor.
  2. Oleh itu, Kerajaan Negeri sedang menyediakan kerangka ekosistem Program IKTISASS yang kprehensif dan holistik merangkumi semua lapisan masyarakat khususnya golongan muda. Oleh itu, bagi anak muda yang tidak dapat memasuki IPT dan Pusat Kemahiran TVET kerajaan negeri akan menyediakan kursus kemahiran dan teknikal jangka pendek dalam membantu meningkatkan keboleh pasaran mereka. Antara penekanan yang akan diberikan kepada peserta ialah elemen pembangunan bakat dan kemahiran

bagi menaik taraf sumber tenaga manusia kepada lebih kompeten dan produktif.

3. Oleh itu, melalui usaha ini kerajaan negeri berharap ia dapat membantu golongan anak muda tersebut dapat meningkatkan potensi diri seterusnya menceburi bidang kerjaya dan meningkat pendapatan ekonomi mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN LIM YI WEI**  
**(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PENGLIBATAN SEKTOR SWASTA DALAM PENAIKTARAFAN PADANG AWAM MILIK KERAJAAN TEMPATAN**

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah garis panduan atau undang-undang sekiranya pihak berkuasa tempatan (PBT) ingin melaksanakan usahasama ("Joint Venture") dengan pihak swasta untuk menaiktaraf infrastruktur padang-padang awam yang diselenggara oleh PBT?

**JAWAPAN:**

- a) Setakat ini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tiada garis panduan atau undang-undang yang khusus bagi melaksanakan usahasama dengan pihak swasta untuk menaiktaraf infrastuktur padang-padang awam yang diselenggara oleh PBT. Walaubagaimanapun, pihak PBT mengalu-alukan dan menyambut baik cadangan daripada pihak swasta melalui pendekatan Tanggungjawab Sosial Korporat atau *Corporate Social Responsibility* (CSR). Justeru itu, pihak swasta yang hendak mengadakan usahasama bagi menaiktaraf infrastruktur padang-padang awam yang diselenggara oleh pihak PBT perlu mengemukakan cadangan kepada PBT untuk penelitian yang lebih mendalam. (berdasarkan faktor terma dan kondisi)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PROJEK PERUMAHAN DI NEGERI SELANGOR**

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Berapakah projek perumahan rumah Selangorku yang telah, sedang dan akan dibina di Negeri Selangor mengikut pecahan DUN?
  - Berapakah jumlah pemohon rumah Selangorku sejak tahun 2014 sehingga kini?

**JAWAPAN:**

- Untuk makluman Yang Berhormat, perincian data Rumah Selangorku direkodkan mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan tidak diperincikan mengikut DUN. Sehingga 30 Jun 2019, sebanyak 255 projek telah diberikan kelulusan untuk dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, berikut merupakan perincian pembangunan Rumah Selangorku mengikut status di tapak:

Bil	PBT	Status Projek Rumah Selangorku			
		Siap Bina	Sedang Bina	Dalam Perancangan	Jumlah
1	MBPJ	-	1	2	3
2	MBSA	4	7	19	30
3	MDHS	2	2	5	9
4	MDKL	-	6	10	16
5	MDKS	3	9	13	25

Bil	PBT	Status Projek Rumah Selangorku			
		Siap Bina	Sedang Bina	Dalam Perancangan	Jumlah
6	MDSB	-	1	2	3
7	MPAJ	1	-	7	8
8	MPK	5	5	13	23
9	MPKj	10	9	36	55
10	MPS	1	6	20	27
11	MPSJ	1	3	15	19
12	MPSp	1	12	21	37
<b>JUMLAH</b>		<b>31</b>	<b>61</b>	<b>163</b>	<b>255</b>

- b) Jumlah permohonan Rumah Selangorku sehingga 01 Julai 2019 adalah seramai 189,829 pemohon

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : KESIHATAN MENTAL**

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jenis sokongan yang akan diberi oleh Kerajaan Negeri berkenaan usaha untuk mendapatkan lindungan insurans bagi penyakit mental.

**JAWAPAN:**

- a) Pada masa ini, Kerajaan Negeri tiada cadangan untuk mendapatkan atau memberikan perlindungan insurans bagi penyakit mental. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia, syarikat insurans di negara ini digalakkan untuk mengkaji dan menyediakan kemudahan insuran kesihatan mental memandangkan tiada lagi kemudahan seumpamanya ditawarkan.

Walaubagaimanapun, terdapat kemudahan rawatan dan pemulihan yang disediakan di peringkat Kementerian di hospital dan klinik bagi pesakit mental yang dikenalpasti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : JUMLAH KUTIPAN HASIL TAHUN 2018**

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kutipan hasil premium tanah dan cukai pintu bagi tahun 2018 dan perbandingan dengan sasaran yang ditetapkan?

**JAWAPAN:**

- a) Sehingga Disember 2018, jumlah kutipan hasil premium tanah adalah sebanyak **RM736,620,104.91 (67.8%)** berbanding dengan sasaran yang ditetapkan iaitu **RM1,086,200,000.00**

Maklumat Tambahan

**KUTIPAN HASIL PREMIUM TANAH 2018**

DAERAH	KPI TAHUNAN (RM)	JUMLAH KESELURUHAN	
		JUMLAH KUTIPAN (RM)	PENCAPAIAN (%)
PETALING	RM 410,000,000.00	RM 112,339,200.17	27.3%
KLANG	RM 140,000,000.00	RM 69,522,670.69	49.6%
SEPANG	RM 190,000,000.00	RM 35,769,944.53	18.8%
KUALA LANGAT	RM 36,500,000.00	RM 117,036,359.66	320.6%
HULU LANGAT	RM 160,200,000.00	RM 202,732,851.70	126.5%
KUALA SELANGOR	RM 35,300,000.00	RM 92,860,108.24	263%
HULU SELANGOR	RM 20,000,000.00	RM 24,201,768.63	121%

SABAK BERNAM	RM 4,200,000.00	RM 6,024,827.50	143%
GOMBAK	RM 90,000,000.00	RM 76,132,373.79	84.5%
<b>JUMLAH (RM)</b>	<b>RM 1,086,200,000.00</b>	<b>RM 736,620,104.91</b>	<b>67.8%</b>

Jumlah kutipan cukai taksiran bagi tahun 2018 bagi semua PBT adalah berjumlah RM 1,439.43 Juta berbanding sasaran iaitu RM 1,546.37 Juta dan pecahan mengikut PBT adalah seperti jadual berikut:

PBT	Sasaran (RM' Juta)	Kutipan (RM' Juta)
MBSA	302.92	286.63
MBPJ	254.99	248.80
MPK	201.54	181.61
MPAJ	101.59	88.79
MPSJ	214.20	198.05
MPS	112.00	103.41
MPKj	113.77	102.87
MPSp	109.09	106.69
MDKL	37.50	33.64
MDHS	58.00	53.72
MDKS	33.20	29.98
MDSB	7.57	5.24
<b>JUMLAH</b>	<b>1,546.37</b>	<b>1,439.43</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PENCAWANG TELCO**

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah pencawang telco dapat dibina di kawasan kampung tradisi?

**JAWAPAN:**

- a) Pembinaan pencawang komunikasi di kawasan kampung tradisi pada masa ini bergantung kepada syarikat telekomunikasi sedia ada. Syarikat komunikasi akan memasang pencawang sekiranya terdapat permintaan dan memenuhi model perniagan mereka. Pihak SMARTSEL boleh membantu dengan bekerjasama dengan syarikat telekomunikasi untuk memasang pencawang sekiranya menerima permohonan dan permintaan daripada pihak yang berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : PELABURAN ANTARABANGSA KE SELANGOR**

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah usaha-usaha Kerajaan dalam membawa masuk pelabur antarabangsa ke Selangor?
  - b) Berapa nilai pelaburan antarabangsa yang telah berjaya dibawa masuk ke Negeri Selangor sejak Mei 2018?
  - c) Berapa jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan bagi usaha-usaha membawa masuk pelabur antarabangsa?

**JAWAPAN:**

- a) Usaha menarik pelaburan ke Negeri Selangor adalah usaha yang dilaksanakan secara berterusan. Bagi menarik lebih banyak pelaburan, Kerajaan Negeri melalui agensi penggalakkan pelaburan iaitu Invest Selangor telah merangka dan melaksanakan beberapa strategi seperti berikut; -

**1. Strategi jangka masa panjang:-**

- I. Melaksanakan perancangan pelan perancangan strategik sektor perindustrian yang telah diterbitkan.
- II. Merangka dan memacu hala tuju pembangunan perindustrian melalui **Majlis Mesyuarat** yang ditubuhkan seperti; -
  - 1. Selangor Information Technology and E-Commerce Council (SITEC)
  - 2. Selangor Halal Council
  - 3. *Selangor Aerospace Council*
  - 4. *Selangor BioTech Council*

- III. Meningkatkan usaha promosi di luar Negara seperti program misi pengalakkan pelaburan ke luar Negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun ke Negara-Negara yang berpotensi dan yang telah dikenal pasti.
- IV. Program promosi melalui media cetak dan elektronik.
- V. Mewujudkan jaringan hubungan atau networking dengan agensi-agensi yang berkaitan (agensi kerajaan, kedutaan, Dewan-Dewan Perniagaan dalam dan luar Negara).
- VI. Mewujudkan rakan hubungan strategik dengan agensi-agensi yang berkaitan.
- VII. Cadangan pengelasan kawasan perindustrian mengikut standard kawasan perindustrian luar Negara bagi menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif mengikut keperluan industri.
- VIII. Mewujudkan kawasan perindustrian yang selesa dan kondusif berkonsepkan *Managed Industrial Parks*.
- IX. Penganjuran ekspo dan forum bertaraf antarabangsa.
- X. Penerbitan buku panduan *Doing Business in Selangor : A Guide Book for Investors*

## 2. **Strategi jangka masa pendek:-**

- i. Penjenamaan dan mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian yang berpotensi melalui media cetak atau elektronik.
- ii. Pengemaskinian dan penyediaan buku panduan pelaburan yang komprehensif dan mudah untuk dijadikan bahan rujukan para pelabur.
- iii. Membantu pihak industri menyelesaikan isu – isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelaras Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.
- iv. Memperkasakan peranan Unit Pelaburan PBT bagi membantu para pelabur dalam proses kelulusan pembangunan.

- v. Menyediakan peruntukan khusus bagi penyelenggaran kawasan perindustrian di setiap PBT.
  - vi. Mengadakan *Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC)* di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu menyelesaikan isu-isu kawasan perindustrian yang dihadapi oleh pelabur di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
- b) Bagi tempoh **April 2018 sehingga Mac 2019**, sebanyak **281 projek perkilangan** telah diluluskan oleh MIDA di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 19,656,321,411 (RM 19.656 bilion)**. Daripada jumlah ini sebanyak **RM 8,637,653,573 (43%)** adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak **RM 11,018,667,838 (57%)** daripada pelaburan asing.
- c) Jumlah kos yang telah digunakan oleh Invest Selangor sepanjang usaha mencari pelabur bagi tempoh **Januari hingga Disember 2018** adalah sebanyak **RM 20,592,934.69 (RM 20.592 juta)** dan kos yang dibelanjakan bagi tempoh **Januari hingga Jun 2019** adalah sebanyak **RM 7,109,080.64 (RM 7.109 juta)** yang merangkumi aktiviti – aktiviti seperti berikut;–
- i. Promosi Selangor International Business Summit 2019;
  - ii. Program pembangunan dan latihan usahawa-usahawan secara on-line dan lain – lain yang berkaitan;
  - iii. Misi promosi pelaburan ke luar Negara dan juga penglibatan dalam pameran tempatan dan luar Negara;
  - iv. Libat urus (*engagement*) dengan pelabur sedia ada menerusi program dialog, lawatan kilang, penyelesaian masalah dan lain – lain yang berkaitan;
  - v. Penerbitan bahan – bahan promosi pengiklanan, penerbitan artikel, Investment Guide Book dan lain – lain bahan promosi

**Dari segi peratus perbelanjaan berbanding dengan nilai pelaburan yang diluluskan, bagi tahun 2018, Invest Selangor hanya membelanjakan sebanyak 0.1% bagi menarik pelaburan berjumlah RM 18.947 bilion. Manakala bagi tahun 2019, sebanyak 0.4% kos yang dibelanjakan bagi menarik pelaburan berjumlah RM 1.522 bilion.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI**  
**(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : PELAN HALATUJU STRATEGIK DESA NEGERI SELANGOR 2035**

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah inisiatif yang telah dimulakan bagi mencapai matlamat yang disasarkan?

**JAWAPAN:**

a) Kerajaan Negeri Selangor melalui PLANMalaysia@Selangor (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor) telah menghasilkan dokumen Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Selangor 2035 dengan matlamat memberdayakan masyarakat desa di Negeri Selangor ke arah *Global Village* (dengan izin) menjelang tahun 2035.

Sebagai inisiatif awal susulan daripada penyediaan Pelan Halatuju Strategik ini, Kerajaan Negeri Selangor melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor dan PLANMalaysia@Selangor (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor) sedang memuktamadkan **Pelan Tindakan Penstrukturkan Semula Kampung Dalam Bandar Negeri Selangor 2019-2023** (PTK Desa) sebagai dokumen perancangan terperinci kepada agensi-agensi pelaksana bagi pelaksanaan cadangan pembangunan dan projek di **27 kampung dalam bandar** (KDB) yang telah dikenalpasti yang terdiri daripada (lampiran 1):

- 14 kampung di Daerah Klang
- 4 kampung di Daerah Petaling
- 3 kampung di Daerah Gombak
- 1 kampung di Daerah Hulu Selangor
- 2 kampung di Daerah Kuala Selangor
- 2 kampung di Kuala Langat
- 1 kampung di Daerah Hulu Langat

PTK Desa ini merangkumi cadangan yang akan memandu pemegang taruh (stakeholders) serta agensi pelaksana mengenalpasti isu dan cadangan projek yang boleh dilaksanakan. Ia turut membantu dalam proses membuat keputusan secara berkesan dalam mengagihkan sumber peruntukan bagi tujuan

meningkatkan kualiti persekitaran tempat tinggal khususnya di kawasan perkampungan yang menerima tekanan perbandaran.

Antara kepentingan kajian ini adalah:

1. Meningkatkan tahap kesejahteraan penduduk KDB Selangor dari aspek fizikal, ekonomi dan sosial;
2. Menggalakkan pertumbuhan ekonomi tempatan KDB Selangor;
3. Mempertingkatkan tahap daya huni KDB Selangor;
4. Melaksanakan cadangan pembangunan yang lebih sesuai dengan citra tempatan di KDB Selangor;
5. Menterjemahkan dasar dan perancangan strategik sedia ada sama ada diperingkat Kerajaan Persekutuan, Negeri dan PBT;
6. Memandu arah pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial di peringkat KDB Selangor; dan
7. Memastikan kelangsungan dan mengelakkan ketidakseimbangan pembangunan spatial.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Pelan Halatuju Strategik ini mengandungi polisi, cadangan dan tindakan bersifat jangka masa pendek (quickwin), sederhana (medium term) dan jangka masa panjang ini (long term) sehingga tahun 2035. Ia telah mengenal pasti tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk memastikan kelestarian pembangunan kampung-kampung di Negeri Selangor dan mencadangkan penstrukturkan semula kampung-kampung yang telah dikenalpasti. Secara keseluruhan sebanyak 71 projek dan inisiatif dicadangkan bagi memacu halatuju pembangunan desa di Negeri Selangor. Daripada jumlah ini, 27 projek telah dikategorikan sebagai Quick Win, 7 Projek Berimpak Tinggi dan 37 projek sokongan yang akan dibangunkan secara berfasa. Hanya 1 projek sahaja yang telah dilaksanakan oleh agensi (Lampiran 3). Projek-projek yang dicadangkan akan diselaraskan dan dilaksanakan oleh setiap peneraju yang berkaitan dengan inisiatif tersebut.

**Lampiran 1**

Berikut adalah senarai kampung yang terlibat:

Bil	Nama Kampung	Daerah
1.	Kg. Pandamaran Jaya	Klang
2.	Kg. Jawa	Klang
3.	Kg. Telok Gadong	Klang
4.	Kg. Padang Jawa	Klang
5.	Kg. Rantau Panjang	Klang
6.	Kg. Meru	Klang
7.	Kg. Kuantan	Klang
8.	Kg. Sungai Udang	Klang
9.	Kg. Baru Pandamaran	Klang
10.	Kg. Batu 4 Jalan Kapar	Klang
11.	Kg. Sungai Pinang Bandar	Klang
12.	Kg. Delek	Klang
13.	Kg. Raja Uda	Klang
14.	Kg. Bukit Naga	Klang
15.	Kg. Sungai Kayu Ara	Petaling
16.	Kg. Batu 14, Puchong	Petaling
17.	Kg. Padang Jawa	Petaling
18.	Kg. Baru Seri Kembangan	Petaling
19.	Kg. Laksamana	Gombak
20.	Kg. Gombak Utara	Gombak
21.	Kg. Selayang Baru	Gombak
22.	Kg. Dato' Harun (Melayu)	Hulu Selangor
23.	Kg. Telok Panglima Garang	Kuala Langat
24.	Kg. Banting	Kuala Langat
25.	Kg. Sungai Kajang	Kuala Selangor
26.	Kg. Assam Jawa	Kuala Selangor
27.	Kg. Pandan Dalam	Hulu Langat

## **Lampiran 2**

Output akhir bagi kajian ini adalah terbahagi kepada 2 jilid laporan yang merangkumi:

### **Jilid 1 :**

- Pengenalan Kajian
- Definisi Kampung Dalam Bandar (KDB) & Penstrukturran Semula
- Kenyataan Visi, Matlamat& Objektif
- Nilai Utama, Elemen Sokongan& Pendekatan
- Garis Panduan Umum Kampung Dalam Bandar (KDB)
- Pelan Intergrasi Pengurusan Fasiliti Kampung Dalam Bandar (KDB)
- Model Bisnes Kampung Dalam Bandar (KDB)
- Model Nilai Tanah
- Panduan Penggunaan Maklumat Geospatial

**Jilid 2A:** Cadangan perancangan KDB Daerah Klang

**Jilid 2B:** Cadangan perancangan KDB selain dari Daerah Klang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT**  
**(N14 RAWANG)**

**TAJUK : LESEN PERNIAGAAN**

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mencegah pemilikan perniagaan daripada pihak warga asing?
  - b) Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan kelakuan sewaan lesen perniagaan atau tapak pasar malam kepada pihak ketiga?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi tujuan mencegah pemilikan perniagaan daripada pihak warga asing, Kerajaan Negeri melalui PBT telah membuat ketetapan bahawa PBT tidak melesenkan perniagaan kecil/ sederhana (penjaja) kepada warga asing. Ini selaras dengan Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Bil 3 Tahun 2008 , Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil Oleh Pihak Berkuasa Tempatan iaitu " permit hendaklah dikeluarkan kepada warga negara Malaysia sahaja dan pemilik permit hendaklah berada di tempat perniagaan sepanjang masa. Tindakan membatalkan permit tersebut akan diambil ke atas warga negara Malaysia yang memindah milik permit perniagaan mereka kepada warga asing atau tidak menjalankan sendiri perniagaan tersebut "Walaubagaimanapun, PBT ada mengeluarkan lesen perniagaan kepada warga asing yang telah mendaftar syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk menjalankan perniagaan dengan melampirkan passport yang sah dan mempunyai visa dagang. Kategori lesen yang dikeluarkan adalah melibatkan aktiviti tred perniagaan dan perindustrian sahaja.
- b) Tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan kelakuan sewaan lesen perniagaan atau tapak pasar malam kepada pihak ketiga adalah dengan melakukan pemeriksaan secara berterusan oleh PBT. Sekiranya didapati lesen perniagaan atau tapak pasar malam melanggar syarat-syarat lesen termasuk perniagaan dijalankan atau dikendalikan oleh pihak ketiga, PBT akan mengambil sama ada pengeluaran kompaun atau tindakan rampasan lesen dan pembatalan lesen.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN WONG SIEW KI**  
**(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : MYSEL**

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) MySel ditubuhkan demi membantu dalam masalah kewarganegaraan. Namun begitu, tiada sebarang informasi atau butiran tentang unit khas ini selain daripada laman web Facebook YB Kota Kemuning. Apakah usaha yang akan dilakukan oleh kerajaan demi menyelesaikan masalah ini?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Balakong, Program Pusat Dokumen Pengenalan Diri Mysel (Mysel) ini mula bergerak secara aktif pada tahun 2016 dengan bertujuan khusus untuk membantu masyarakat yang menetap di Negeri Selangor bagi mendapatkan dokumen – dokumen peribadi / asas / penting seperti dokumen pengenalan diri, kewarganegaraan, sijil kelahiran dan kad pengenalan serta menyelesaikan permasalahan anak – anak yang tidak mempunyai surat beranak akibat daripada sindiket perkahwinan di sempadan termasuklah kegagalan ibu bapa untuk mendaftar kelahiran anak – anak mereka di atas sebab – sebab tertentu.

Bagi sesi baharu 2018 sehingga 2020, Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin telah melantik dua (2) orang pegawai bagi mengendalikan Program Pusat Dokumen Pengenalan Diri Mysel sebagaimana butiran di bawah:

<b>BIL</b>	<b>NAMA PEGAWAI</b>
1.	Puan Shanta @ Rabiah a/p Satta
2.	Encik Regupati a/l Raman

Pegawai – pegawai yang dilantik ditempatkan di Pejabat EXCO bagi mengendalikan Pusat Dokumen Pengenalan Diri Mysel yang khusus untuk membantu golongan miskin yang tidak mempunyai pengetahuan, maklumat dan

saluran yang betul untuk membuat sesuatu permohonan bagi mendapatkan dokumen – dokumen tersebut di atas.

Pegawai Mysel berperanan dalam merancang, menyelaras dan menyediakan dokumen – dokumen dan keperluan berkaitan dan memastikan setiap permohonan yang dikemukakan kepada agensi dan jabatan berkenaan adalah lengkap dan teratur. Pegawai juga bertanggungjawab memastikan program Pusat Dokumen Pengenalan Diri Mysel ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dan dapat dimanfaatkan oleh setiap rakyat di Negeri Selangor.

Namun begitu, pernyataan Yang Berhormat Balakong bahawa tiada sebarang informasi atau butiran khas unit ini adalah kurang tepat. Pegawai – pegawai Mysel telah melaksanakan dan menggunakan pelbagai kaedah hebahan berhubung manfaat program ini dan mendekati rakyat melalui pengedaran *flyers*, sesi penerangan dan secara “*walk in*” ke setiap DUN. Pengedaran flyers ini disusuli dengan sesi penerangan daripada Pegawai Mysel dengan kerjasama dan komitmen rapat bersama Pusat Khidmat Masyarakat, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Ketua Komuniti Kaum India (KKI) setempat serta rumah – rumah ibadat. Taklimat dan sesi penerangan ini diadakan diadakan secara giliran di setiap DUN dengan membuka *booth* pertanyaan. Ini terbukti dengan peningkatan kes – kes yang diterima dan berjaya diselesaikan oleh Pegawai Mysel.

Pada tahun 2018, Program Dokumen Pengenalan Diri Mysel telah menerima sebanyak 1,686 permohonan melibatkan dokumen pengenalan diri. Daripada jumlah keseluruhan permohonan tersebut, sebanyak 457 permohonan didapati lengkap dan sebanyak 94 kes telah berjaya diselesaikan. Berikut adalah status bagi permohonan tersebut:

BIL.	PERKARA	STATUS
1.	Permohonan Warganegara	26 permohonan berjaya daripada 101 permohonan
2.	Permohonan Anak Angkat	7 permohonan berjaya daripada 66 permohonan
3.	Permohonan IC Merah	16 permohonan berjaya daripada 115 permohonan
4.	Permohonan IC Biru	4 permohonan berjaya daripada 15 permohonan
5.	Permohonan Sijil Kelahiran	33 permohonan berjaya daripada 116 permohonan

BIL.	PERKARA	STATUS
6.	Permohonan Imigresen	7 permohonan berjaya dari 28 permohonan
7.	Permohonan Kad Pengenalan	1 permohonan berjaya daripada 16 permohonan

Berikut adalah permohonan mengikut kaum yang direkodkan :

KAUM	PERMOHONAN
Melayu	97 Permohonan
Cina	81 Permohonan
India	279 Permohonan
<b>Jumlah</b>	<b>457 Permohonan</b>

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa dan Pegawai Mysel dilantik sentiasa proaktif dalam mencari solusi terbaik serta kaedah baru yang lebih efisien bagi memastikan Program Mysel ini akan lebih diketahui oleh rakyat Selangor khususnya. Penggunaan media sosial dan digital akan diperhebatkan lagi bagi mempromosikan program Mysel demi menjaga kebajikan rakyat Selangor khususnya. Secara tidak langsung, melalui program MySEL mereka dapat membina kehidupan baru secara normal dengan membuang pandangan prejudis terhadap mereka. Program ini sejajar dengan dasar Kerajaan Negeri dalam kepedulian terhadap setiap rakyat Selangor untuk menikmati manfaat dalam program Inisiatif Peduli Rakyat mengikut kelayakan masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : KEPERLUAN MENAIKTARAF JALAN PERSEKUTUAN JKR MORIB -  
SEPANG**

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menaiktaraf Jalan Morib-Sepang yang berada dalam keadaan yang teruk?
- b) Adakah kerja-kerja penyelenggaraan dan baikpulih akan dilakukan terhadap jalan tersebut dalam masa terdekat?
- c) Adakah terdapat perancangan untuk menambah lampu jalan di kawasan merbahaya disepanjang jalan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Jalan Morib-Sepang merupakan Jalan Persekutuan FT05. Buat masa ini, tiada keperluan mendesak untuk menaiktaraf jalan ini. Walaubagaimanapun, pihak JKR Selangor akan membuat bincian trafik dan kajian awalan terhadap keperluan menaiktaraf jalan ini sekiranya ada keperluan untuk jalan ini dinaiktara, satu kertas cadangan permohonan projek akan disediakan oleh JKR Selangor untuk dimohon ke Cawangan Jalan Ibu Pejabat JKR Malaysia dalam Rancangan Malaysia seterusnya.
- b) Telah ada perancangan untuk penyelenggara jalan-jalan persekutuan termasuk FT05 ini iaitu program berkala pavemen dan berkala bukan pavemen yang dianggarkan berjumlah RM 1.7 juta bagi Daerah Sepang dan RM 4.6 juta bagi Daerah Kuala Langat untuk tahun 2019. Ianya akan dipohon setiap tahun mengikut tahap kerosakan jalan.
- c) Buat masa ini, pihak JKR sedang membuat siasatan terhadap lokasi yang merbahaya melalui statistic kemalangan bagi mengangkat kertas permohonan ke Ibu Pejabat JKR Malaysia untuk disemak oleh Unit Forensik Keselamatan jalan dan seterusnya permohonan peruntukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : KAJIAN PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR**

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kajian dan penyelidikan terkini yang sedang dilakukan oleh Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Penyelidikan terkini yang sedang dilaksanakan oleh PADAT adalah seperti berikut:

**1. Penyelidikan sejarah**

**1.1 Penyelidikan sejarah Jeram dan Bukit Malawati**

PADAT sedang dalam usaha melaksanakan penyelidikan pra kesultanan dan zaman kesultanan Selangor. Penyelidikan ini bertujuan untuk mendapatkan data-data sejarah yang lengkap mengenai zaman sebelum dan semasa kesultanan Selangor. Bagi tujuan ini kaedah yang digunakan adalah termasuk ekskavasi arkeologi di tapak berkenaan. Sejarah menyatakan terdapat penempatan awal di Jeram sebelum zaman kesultanan yang perlu diselidiki dengan lebih terperinci.

Bagi tapak Bukit Malawati kaedah GPR (Ground Penetrating Radar) akan dilaksanakan bagi mengenalpasti keseluruhan komponen yang terdapat di kawasan tersebut. Sehingga kini beberapa tapak belum ditemui diantaranya kedudukan istana lama yang didirikan oleh Raja Lumu dan taburan kedudukan meriam-merian di bukit ini. PADAT merangkakkan untuk menyediakan "Pelan Induk" bagi tujuan pemuliharaan bukit ini berdasarkan fakta-fakta sejarah yang tepat.

## **1.2 Penyelidikan Raja Muda Nala: Hubungan Kesultanan Selangor dan Kesultanan Aceh**

Raja Muda Nala adalah merupakan Raja Muda Selangor yang pertama yang mangkat dan dimakamkan di Aceh Indonesia pada abad ke 17M. Penyelidikan tertumpu kepada kesahihan makam Raja Muda Nala yang ada di Aceh yang didakwa sekarang ini. Mengikut sejarah Raja Muda Nala telah dihantar ke Aceh bagi mengetuai pasukan askar dari Selangor atas titah Sultan Ibrahim, untuk membantu Sultan Aceh yang berperang dengan suku kaum hulu di Aceh. Peranan Raja Muda Nala ini membuktukan hubungan kesultanan Selangor dan kesultanan Aceh yang begitu akrab.

Pihak PADAT telah berjaya mendapatkan beberapa manuskrip berkaitan dengan Raja Muda Nala iaitu melalui surat-surat Francis Light yang terdapat didalam simpanan School of Oriental Studies, Universiti of London pada April 2019. Pada peringkat ini masih didalam proses transliterasi dengan kerjasama daripada Universiti Petronas Malaysia. PADAT juga telah mengadakan MOU Bersama pihak Universiti Syah Kuala Aceh bagi perlaksanaan penyelidikan dan juga pengesahan berkaitan makam tersebut.

Matlamat akhirnya ialah untuk mengangkat Raja Muda Nala sebagai pahlawan Selangor dan menaiktaraf makamnya. Mengikut data-data peranan yang dimainkan oleh Raja Muda Nala adalah sangat besar terutama dalam merancang dan melaksanakan serangan-serangan ketenteraan membantu Sultan Ibrahim semasa menghalau Belanda dari Selangor dan juga sebagai perancang pembangunan perusahaan bijih timah di Selangor

## **1.3 Penyelidikan Hubungan Kesultanan Selangor dan Kesultanan Palembang**

Penyelidikan ini dilaksanakan berdasarkan dari jumpaan arkeologi batu nisan Aceh yang digunakan oleh Sultan Ibrahim Sultan Selangor kedua yang mempunyai ukiran dan motif yang unik dan motif ini tidak digunakan di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia.

Hasil survei yang dilakukan di tapak-tapak perkuburan lama di Palembang telah berjaya menjumpai nisan yang mempunyai bentuk dan motif yang sama seperti yang digunakan oleh Sultan Ibrahim.

Kajian ini masih lagi diperingkat kajian artefaktual dan perlunya beberapa kajian dilaksanakan di Arkib kerana hubungan kesultanan Selangor dan kesultana Palembang masih belum ada yang meneliti.

#### **1.4 Penyelidikan Lombong arang batu di Batu Arang**

Lombong arang batu bawah tanah ini telah dibuka oleh Malayan Collieries Ltd dari United Kingdom pada tahun 1913 dan ditutup pada tahun 1960. Merupakan penyumbang besar kepada hasil negeri Selangor pada masa itu dan juga penggunaan guna tenaga yang mencapai hingga 6,000 orang. Terowong-terowong bertingkat-tingkat ini meliputi kawasan seluas 700 km persegi dengan kedalamannya mencapai 1,000 meter kebawah tanah. Secara dasarnya pekan Batu Arang sekarang adalah terletak diatas terowong-terowong ini yang mungkin boleh runtuh pada bila-bila masa. Oleh itu pekan ini tidak dapat dibangunkan dengan bangunan-bangunan tinggi, malahan terdapat bangunan sekolah yang hanya menggunakan bahan-bahan kayu bagi mengelakan dari roboh.

Pada masa ini terdapat berbagai tinggalan berupa bangunan-bangunan lama, terowong-terowong, artifak dan masyarakat pewaris pelombongan-pelombongan yang perlu dipulihara sebagai bukti sejarah dan yang penting berpotensi dibangunkan sebagai produk dan destinasi pelancongan yang menarik di daerah Gombak. Program ini dijangkakan akan disiapkan pada awal tahun hadapan.

#### **1.5 Penyelidikan adat dan pakaian pengantin tradisional di Selangor**

Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan data-data berkaitan amalan dan budaya tradisi pengantinan di Selangor. Kajian ini merangkumi semua kampong-kampong yang terdapat di Selangor. Ianya dianggarkan dapat menemubual hampir 100 orang andam-andam tradisional. Beberapa bengkel bersama-sama andam-andam ini mengikut daerah-daerah juga telah mula diadakan.

Dapatan awal dari program ini, penyelidik PADAT telah memulakan pengumpulan maklumat-maklumat mengenai adat-adat pengantinan dari seawal selepas zaman Perang Dunia Kedua hingga berlakunya evolusi pengantin moden dalam era 80'an hingga sekarang. Selain data-data ini kajian ini berjaya mendapatkan busana-busanya pengantin dan berbagai peralatan pengantinan yang masih dalam simpanan andam-andam tersebut.

Hasil kajian ini, PADAT telah merangkakan untuk menubuhkan galeri khas pengantin di Muzium Sultan Alam Shah yang akan mempamerkan lebih dari 100 pasang busana pengantin tradisional dan berbagai-bagai bahan hantaran yang telah dilupakan sekarang ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN**  
**(N53 MORIB)**

**TAJUK : INFRASTRUKTUR DAN KERJA MEMBAIKPULIH PRASARANA KEMUDAHAN KAMPUNG TRADISI**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah mekanisme Jabatan Pembangunan Unit Perancang Ekonomi berkenaan dengan infrastruktur dan kerja membaikpulih prasarana kemudahan kampung tradisi seperti dewan orang ramai, balairaya dan jalanraya kampung yang kebanyakkan dalam keadaan yang tidak memuaskan serta kerosakan yang teruk?

**JAWAPAN:**

- a) Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam menjamin kepentingan pembangunan luar bandar, sebanyak RM6 juta telah diluluskan pada tahun 2019 bagi pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam/ asas luar bandar melibatkan naiktaraf/ baikpulih jalan luar bandar, longkang, dewan serbaguna, balairaya dan lain-lain. Bagi memastikan pembangunan luar bandar ini dilaksanakan secara dinamik dan mampan, Kerajaan Negeri komited supaya peruntukan bagi pembangunan luar bandar ini diteruskan setiap tahun dan kerja-kerja bagi naiktaraf dan baik pulih dilaksanakan secara berperingkat supaya kemudahan awam/asas di luar bandar ini berada di dalam keadaan yang baik.

Mengenai mekanisme pelaksanaan pula, setiap lapisan masyarakat sama ada rakyat, ketua kampung atau pun YB boleh menyalurkan aduan kepada Pejabat Daerah/Tanah yang merupakan agensi penghubung antara Kerajaan Negeri dan juga penduduk. Pejabat Daerah/Tanah kemudiannya akan menyemak aduan tersebut dan seterusnya membuat permohonan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk kelulusan. Ini adalah untuk memastikan permohonan bagi pelaksanaan pembangunan luar bandar dilaksanakan dengan tersusun termasuklah mengambil kira peruntukan sedia ada dan kepentingan projek kepada rakyat.

Kerajaan Negeri juga ada menyediakan inventori bagi jalan-jalan luar bandar dan kampung bagi seluruh Negeri Selangor. Pejabat Daerah/Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan akan mendaftarkan jalan-jalan di bawah seliaan masing-masing bagi memastikan kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf dapat

dilaksanakan sama ada melalui peruntukan Kerajaan Negeri, MARRIS, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) atau pun melalui peruntukan Program Mesra Rakyat (PMR) di bawah Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor (ICU JPM) Jabatan Perdana Menteri. Sebanyak RM2 juta diperuntukkan kepada setiap Ahli Parlimen, sehubungan itu setiap Ahli Dewan Negeri boleh bekerjasama dengan Ahli Parlimen kawasan masing-masing dalam perkara ini.

Setiap tahun peruntukan MARRIS yang disediakan oleh Kementerian Kewangan akan disalurkan kepada Pejabat Daerah/Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk kerja-kerja penyelenggaraan. Bagi tahun 2019, selain daripada peruntukan Kerajaan Negeri, Kementerian Pembangunan Luar Bandar ada juga menyediakan sebanyak RM3.5 juta untuk program Jalan Penghubung Desa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN  
(N13 KUANG)**

**TAJUK : PENYUSUNAN SEMULA SEMPADAN PBT DAN PEJABAT TANAH DAN GALIAN**

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Disebabkan persempadanan semula kawasan pilihanraya sebelum PRU14 yang lalu, maka terdapat kesukaran dalam urustadbir sempadan pentadbiran PBT dan Pejabat Tanah dan Galian.  
Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk menyusun semula sempadan PBT dan Pejabat Tanah dan Galian di daerah yang terlibat?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : JANGKAAN PELABURAN 2019**

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Berapakah anggaran jumlah pelaburan masuk dan keluar pada suku tahun pertama 2019?
  - Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menambah pelaburan baru pada 2019?

**JAWAPAN:**

- Bagi tempoh **Januari hingga Mac 2019**, pihak MIDA telah meluluskan sebanyak **75 projek perkilangan** di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 1,521,573,565 (RM 1.521 bilion)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **RM 954,109,774** daripada pelaburan tempatan dan sebanyak **RM 567,463,792** daripada pelaburan asing. Sebanyak **51 projek merupakan projek baru** dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 1,126,208,695** dan sebanyak **24 projek merupakan projek pembesaran atau pelbagaiaan dengan nilai pelaburan berjumlah RM 395,364,871**.
- Usaha menarik pelaburan ke Negeri Selangor adalah usaha yang dilaksanakan secara berterusan. Bagi menarik lebih banyak pelaburan, Kerajaan Negeri melalui agensi penggalakkan pelaburan iaitu Invest Selangor telah merangka dan melaksanakan beberapa strategi seperti berikut; -

**1. Strategi jangka masa panjang:-**

- I. Melaksanakan perancangan pelan perancangan strategik sektor perindustrian yang telah diterbitkan.
- II. Merangka dan memacu hala tuju pembangunan perindustrian melalui **Majlis Mesyuarat** yang ditubuhkan seperti;-
  1. Selangor Information Technology and E-Commerce Council (SITEC)

2. Selangor Halal Council
  3. *Selangor Aerospace Council*
  4. *Selangor BioTech Council*
- III. meningkatkan usaha promosi di luar Negara seperti program misi pengalakkan pelaburan ke luar Negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun ke Negara-Negara yang berpotensi dan yang telah dikenal pasti.
- IV. Program promosi melalui media cetak dan elektronik.
- V. Mewujudkan jaringan hubungan atau networking dengan agensi-agensi yang berkaitan (agensi kerajaan, kedutaan, Dewan-Dewan Perniagaan dalam dan luar Negara).
- VI. Mewujudkan rakan hubungan strategik dengan agensi-agensi yang berkaitan.
- VII. Cadangan pengkelasan kawasan perindustrian mengikut standard kawasan perindustrian luar Negara bagi menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif mengikut keperluan industri.
- VIII. Mewujudkan kawasan perindustrian yang selesa dan kondusif berkonsepkan *Managed Industrial Parks*.
- IX. Penganjuran ekspo dan forum bertaraf antarabangsa.
- X. Penerbitan buku panduan *Doing Business in Selangor : A Guide Book for Investors*

## 2. Strategi jangka masa pendek:-

- i. Penjenamaan dan mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian yang berpotensi melalui media cetak atau elektronik.
- ii. Pengemaskinian dan penyediaan buku panduan pelaburan yang komprehensif dan mudah untuk dijadikan bahan rujukan para pelabur.
- iii. Membantu pihak industri menyelesaikan isu – isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelaras Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.
- iv. Memperkasakan peranan Unit Pelaburan PBT bagi membantu para pelabur dalam proses kelulusan pembangunan.
- v. Menyediakan peruntukan khusus bagi penyelenggaran kawasan perindustrian di setiap PBT.
- vi. Mengadakan *Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC)* di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu menyelesaikan isu-isu kawasan perindustrian yang dihadapi oleh pelabur di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : PENCEMARAN UDARA**

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pencemaran udara daripada pembakaran plastik di Ijok amat ketara. Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri, PTD dan Majlis Tempatan untuk membentera aktiviti haram ini?

**JAWAPAN:**

- a) Sejak Februari 2019, pihak MDKS giat memastikan tiada kilang plastik yang beroperasi sehingga menimbulkan ketidakselesaan kepada persekitaran melalui tindakan pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan. Ia adalah susulan arahan Kerajaan Negeri untuk menghentikan operasi kilang plastik di daerah Kuala Selangor sedang giat dijalankan. Untuk makluman, jika jabatan menerima aduan kacauganggu persekitaran, Jabatan Kesihatan dan Persekutaran akan mengeluarkan Notis Hapuskan Kacauganggu dibawah Seksyen 82 (5) Akta Kerajaan Tempatan dan sekiranya pihak kilang ingkar, tindakan penguatkuasaan akan dijalankan samada dikenakan kompaun dan menghentikan operasi kilang tersebut melalui pemotongan bekalan utility dengan kerjasama pihak Tenaga Nasional Berhad dan Air Selangor.

Tindakan ini adalah hasil kerjasama bersama Jabatan Penguatkuasaan dan agensi luar yang lain.

Langkah yang perlu diambil untuk membentera aktiviti haram ini ialah dengan cara :

- i. Pemantauan secara skala.
- ii. Mengeluarkan notis berhenti niaga.
- iii. Mengeluarkan kompaun atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa kebenaran dari Pihak Berkuasa Melesen.
- iv. Mengadakan operasi penutupan kilang secara bersepodu bersama jabatan dalaman dan agensi luar.

### **Maklumat Tambahan**

Kejadian pembakaran plastik yang berlaku di kawasan Ijok adalah dijangkakan berpunca daripada operasi kilang-kilang plastik yang terdapat di kawasan tersebut. Oleh yang demikian, Jabatan Alam Sekitar Cawangan Sabak Bernam bersama-sama dengan Majlis Daerah Kuala Selangor serta lain-lain agensi telah terlibat dalam Operasi Penguatkuasaan Bersepadu Kilang Plastik Haram yang dilaksanakan pada 18 Julai 2019 yang lalu. Operasi tersebut yang diketuai oleh Majlis Daerah Kuala Selangor yang turut disertai oleh beberapa agensi kerajaan lain seperti Air Selangor, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Pelesenan MDKS dan lain-lain. Operasi ini dijalankan ke atas 10 premis kilang plastik haram di kawasan Ijok, Bestari Jaya dan Jeram. Tindakan pemotongan bekalan elektrik dan bekalan air telah diambil ke atas 9 premis. Tindakan undang-undang akan diambil ke atas kilang plastik yang masih beroperasi secara haram mengikut bidang kuasa Jabatan dan agensi masing-masing.